

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab

Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan aktiviti sambutan Hari Kebangsaan.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang aktiviti sambutan Hari Kebangsaan.

Panjangnya karangan anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Sambutan Hari Kebangsaan seluruh negara meriah, disertai kontinjen pelbagai agensi

KUALA LUMPUR: Kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan 2023 tidak hanya tertumpu di Dataran Putrajaya, bahkan turut hangat di pelbagai lokasi di seluruh negara. Semangat patriotik dan rasa teruja dapat dilihat pada segenap lapisan masyarakat apabila mereka beramai-ramai hadir memeriahkan sambutan di peringkat negeri dan komuniti masing-masing sejak awal pagi.

Penyertaan pelbagai kontinjen perbarisan yang mewakili agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam acara sambutan Hari Kebangsaan dilihat dapat menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

Sumber : <https://www.astroawani.com>

Pertandingan sempena sambutan HARI KEBANGSAAN 2024

- Pertandingan Melukis Poster
- Pertandingan Menulis Esei
- Pertandingan Video Merdeka

anjuran :
**PANITIA SEJARAH
SMK SERI JAYA**

**Hadiah dan sijil
menanti anda!**

**Kempen Kibarkan
Jalur Gemilang**

BAHAGIAN B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Sebagai salah satu usaha membentuk semangat patriotisme dalam kalangan warganegara, mata pelajaran Sejarah telah diwajibkan lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2013. Mata pelajaran ini membolehkan rakyat memahami perlembagaan dan undang-undang dalam pembentukan negara. Selain itu, penghayatan terhadap sejarah juga dapat mengelakkan diri kita daripada mengulangi sesuatu kesilapan.

Sumber : *Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, DBP.*

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kepentingan-kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah.

2

Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) perlu dibantu untuk memberikan nilai tambah kepada perusahaan mereka dari aspek pembiayaan kewangan, menyediakan kursus atau latihan dan program pemasaran yang berkesan kerana PKS merupakan tunjang ekonomi negara. Antara industri yang termasuk di bawah PKS ialah kilang kraf tangan, kilang keropok, kilang perusahaan batik dan kilang membuat mi.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Sinar Harian, 14 Jun 2022.

Berdasarkan petikan di atas, jelaskan langkah-langkah membantu usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia.

3

Malaysia di Mata Dunia

Malaysiaku
destinasi pelancongan dikagumi dunia
mampu menarik minat pelabur asing
menjadi lubuk rezeki anak watan
Impaknya,
masalah pengangguran yang membelenggu
kian berkurangan
Natijahnya,
mampu menjanakan ekonomi negara
sehingga akhirnya
menjulung Malaysia di mata dunia.

Tinta Suria, 2024

Puisi di atas menyatakan sumbangan sektor pelancongan kepada negara.
Bincangkan sumbangan-sumbangan tersebut.

4

Dalam konteks dunia digital, media sosial ditakrifkan sebagai pelbagai saluran komunikasi dalam talian yang dapat menyampaikan maklumat, pengalaman serta idea secara mudah dan pantas. Dalam dunia pendidikan, media sosial boleh dimanfaatkan sebagai medium pembelajaran kreatif dan inovatif yang dapat membantu murid-murid meningkatkan hasil pembelajaran mereka.

Sumber: Dipetik dan diubah suai
daripada Internet

Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan kebaikan-kebaikan penggunaan media sosial dalam kalangan murid.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT